

Mesyuarat Agung Persatuan Bridged Sukarelawan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Pulau Pinang

10 MEI 2024



Mesyuarat agung Persatuan Bridged Sukarelawan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) merupakan langkah penting dalam membentuk struktur organisasi dan hala tuju persatuan ini. Tujuan utama mesyuarat ini adalah untuk melantik ahli jawatankuasa eksekutif (exco) yang akan memainkan peranan utama dalam menguruskan aktiviti dan program persatuan.

Selain pelantikan exco, mesyuarat ini juga menjadi platform untuk membincangkan visi, misi, dan objektif persatuan, yang berperanan sebagai panduan dalam menjalankan pelbagai inisiatif.

Penubuhan persatuan ini diharapkan mampu menjadi sokongan utama kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak dalam melaksanakan aktiviti serta program perpustakaan. Dengan penglibatan aktif ahli persatuan, ia dapat membantu mempromosikan budaya membaca, penggunaan perpustakaan secara optimum, dan membina semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar UiTM CPP. Tahniah diucapkan kepada semua ahli exco yang dilantik, dan semoga persatuan ini dapat memberikan impak positif kepada perpustakaan dan komuniti kampus.



LIBRARY *Buzz*

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang



Sidang Redaksi Library Buzz 2024

Reka letak

Rafidah Muhamad Sam

Fotografi

Rafidah Muhamad Sam

Penulis

Nor Azilawati Mohamad Azmi

Rafidah Muhamad Sam

Penyunting

Aina Nur Umairah binti Abdul Rahman

Irdina Nadia binti Mohd Madzhar

Nur Afina binti Zahari

Seksyen Korporat & Kolaborasi

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

UiTM Cawangan Pulau Pinang

04-382 2701